

KENYATAAN JUALAN LELONGAN HAIWAN KERAJAAN

Dimaklumkan bahawa MAJLIS PERBANDARAN KLANG akan mengadakan jualan lelong haiwan seperti berikut :-

Tarikh : **22 November 2017 (Rabu)**
Masa : **9:00 Pagi**
Tempat : Pusat Kurungan Haiwan Sementara MPK, Lot 1, Lebuhraya Sultan Mohamad 1, Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Utara, 42000 Klang, Selangor.

2. Senarai Haiwan yang akan dilelong adalah seperti di KEW.AH-24(A). Semua haiwan boleh dilihat pada tarikh **15 November 2017 hingga 16 November 2017 (Rabu hingga Khamis)** di alamat Pusat Kurungan Haiwan, Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang di **antara jam 10:00 pagi hingga 3:00 petang**.
3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-
 - (i) Haiwan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan dan berat haiwan pada hari lelongan.
 - (ii) Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan perlu **mendaftar** dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat serta **telah melihat haiwan tersebut** di Pusat Kurungan Haiwan Majlis.
 - (iv) Majlis berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.AH 24(A) dan menarik balik mana-mana Haiwan daripada senarai tersebut.
 - (v) Semua Haiwan adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*)
 - (vi) Semua perbelanjaan bagi mengangkut Haiwan hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
 - (vii) Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada pegawai pelelong semasa jualan dilakukan.
 - (viii) Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh secara **tunai sahaja** pada hari lelongan di kaunter yang disediakan. Haiwan hendaklah diambil dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh lelongan. Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya.
 - (x) Majlis tidak bertanggungjawab ke atas Haiwan yang telah dijual.

SENARAI HAIWAN YANG DILELONG
MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	KETERANGAN JENIS HAIWAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)	LAMPIRAN
1	KAMBING (TAG-5062 BETINA)	1	100/EKOR	
2	KAMBING (TAG-5072 JANTAN)	1	100/EKOR	
3	KAMBING (TAG-5085 JANTAN)	1	100/EKOR	